



No. Ruj.: PRK.ML.11/02/09-1/1(74)

## SIARAN MEDIA

### JABATAN PERIKANAN MALAYSIA SIASAT VIDEO TULAR

**14 MAC 2024, PUTRAJAYA** – Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) menyelar tindakan sekumpulan individu yang disyaki telah menggunakan kaedah dilarang menyebabkan kematian ikan yang banyak di Sungai Singor, Hutan Simpan Temenggor, Gerik, Perak.

Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Dato' Adnan bin Hussain berkata DOF memandang serius video yang telah tular di media sosial dan pihaknya masih menjalankan siasatan terhadap perkara ini bagi mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya.

“Hasil siasatan yang telah dijalankan oleh Pejabat Perikanan Daerah Hulu Perak mendapati kematian ikan adalah melibatkan spesies tengas, kelah, terubul, lampam dan beberapa spesies lain yang merupakan ikan asli di kawasan tersebut. Pihak kami masih giat menjalankan siasatan dan mengumpul bukti”, ujarnya.

Ikan kelah (*Tor tambroides*) merupakan spesies ikan yang dilindungi dibawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Sungai) Perak 1992, Jadual Kedua, Kaedah 3 (4) yang menyatakan larangan menangkap, membunuh dan memiliki kecuali mendapat kelulusan bertulis Pegawai Perikanan Darat. Mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah kaedah ini boleh apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Antara kaedah penangkapan ikan yang dilarang di bawah Akta Perikanan 1985 ialah penggunaan arus atau renjatan elektrik, bom ikan, menuba ikan atau menggunakan racun. Kaedah penangkapan ini boleh menyebabkan kerosakan ekosistem kehidupan

air tawar dan laut serta boleh menyebabkan kepupusan spesies asli yang menghuni kawasan tersebut.

Kejadian tidak bertanggungjawab ini juga telah menjadikan kesinambungan ekosistem dikawasan itu terputus terutamanya lubuk atau kawasan yang menjadi habitat utama induk ikan-ikan sungai seperti kelah serta tengas untuk bertelur dan menghasilkan anak-anak ikan yang menjadi salah satu rantaian makanan di sungai tersebut.

DOF sedia bekerjasama dengan semua pihak bagi menangani kes ini dan orang awam yang mempunyai maklumat boleh menghubungi talian *hotline* FishCom 24 jam 03-8870 4058.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

E-mel : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my)



PERIKANAN PRODUKTIF MENJANA TRANSFORMASI  
PRODUCTIVE FISHERIES TOWARDS TRANSFORMATION

**myDOF**  
Peneraju Perikanan